

Awang tidak duduk diam soal bahasa

Oleh **RASDAN AHMAD**

rasdan_utusan@yahoo.com

ISU Program Dwibahasa (DLP) yang diumumkan tahun lalu adalah mengembalikan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang telah dimansuhkan pada 2009. DLP dilihat sebagai agenda terancang pihak yang ingin menghancurkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan ini mesti terus dibendung sebelum menjadi barah yang mengikiskan kedaulatan bahasa Melayu.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr. Awang Haji Sariyan (gambar) berkata, DLP hanya simptom kecil dari agenda utamanya adalah untuk memperendahkan bahasa Melayu dan seterusnya memecah-belahkan masyarakat.

“Agenda ini dibimbangi akan memporak-perandakan kesemua sistem dalam negara termasuk sastera, kebudayaan serta dilihat sekarang agama juga turut disentuh seperti mana yang dicetus oleh kumpulan G25 baru-baru ini. Jika kita tidak ambil endah, mungkin akan berlaku satu perpecahan dan pertelagahan dalam masyarakat,” jelasnya pada sidang media Ekspresi Puisi Dunia Numera 2016 Khamis lalu.

Tambah Awang, pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan lain perlulah kembali berlandaskan kepada Perlembagaan yang telah termaktub. Itu merupakan asas kepada rakyat Malaysia.

Dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan tercatat Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara yang menjadi hak semua kaum dan bukan hanya untuk Melayu sahaja.

Kata Dr. Awang, tanggungjawab DBP sebagai institusi yang memajukan bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi adalah jelas dalam menasihati pihak-pihak yang cuba menyanggah Perlembagaan.

“Ini bukan penentangan tetapi kami hanya menjalankan tanggungjawab yang

diamanahkan kerajaan sebagai sebuah institusi yang menjaga kemuliaan bahasa Melayu. Saya berharap semua pihak bekerjasama dalam memastikan teras Perlembagaan dipelihara supaya Malaysia dikenali dengan identiti tersendiri dalam merealisasikan hasrat negara menjelang tahun 2020,” katanya.

Dalam pada itu, Awang Sariyan yang akan menamatkan tugasnya sebagai Ketua Pengarah DBP pada 31 Januari ini kerana tamat kontrak berkata, walaupun akan meninggalkan DBP tetapi beliau akan terus berjuang mengenai soal bahasa dan sastera, sekali gus tidak akan berdiam diri dalam isu berkenaan.

Awang yang memulakan tugas sebagai Ketua Pengarah DBP pada 1 Januari 2012 dikenali sebagai pakar dalam bidang linguistik dan pernah bertugas di pelbagai universiti di negara ini antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM), selain pernah menduduki Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU) di China.

Sementara itu, Ekspresi Puisi Dunia Numera 2016 yang akan berlangsung pada 18 sehingga 21 Mac depan akan disertai 30 penyair dari lapan negara iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, Belgium, Bangladesh, Thailand dan Rusia.

Pada sidang media yang sama Sasterawan Negara, Prof. Emeritus Muhammad Haji Salleh dan Aminur Rahman dari Bangladesh telah diumumkan sebagai penerima anugerah Tokoh Persuratan Dunia Numera 2016 dan Sastri Yunizarti Bakri dari Indonesia turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Srikandi Numera.

Ekspresi Puisi Dunia Numera 2016 yang sebelum ini dikenali sebagai Baca Puisi Dunia Numera diadakan sebagai mengangkat kekuatan seni puisi Melayu ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih gemilang. Ekspresi Puisi Dunia Numera kali ini direncana untuk kapasiti yang lebih besar sesuai dengan ulang tahun ketiga selain meraikan Hari Puisi Dunia yang diadakan pada 21 Mac setiap tahun.

